

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM  
[BERUAS]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) sama ada terdapat kajian atau tindakan yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap individu-individu tersasar tanpa persetujuan mereka berkenaan dengan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau lain-lain ‘No-touch torture projects’ ke atas minda seseorang di Malaysia; dan
- b) adakah kajian atau tindakan ini diluluskan oleh Kerajaan. Jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada apa-apa kajian atau tindakan yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap individu-individu tersasar tanpa persetujuan mereka berkenaan dengan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau lain-lain ‘No-touch torture projects’ ke atas minda seseorang di Malaysia.

Dalam melaksanakan tugas siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menggunakan apa-apa alat yang mempunyai kesan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau apa-apa berkaitan dengan ‘No-touch torture projects’.

Sekian, terima kasih.